

Pilih, tempah di media sosial

14 ditahan dalam serbuan di dua hotel bajet

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Subang Jaya

Kegiatan sindiket pelacur warga asing yang menawarkan khidmat seks antara RM200 hingga RM270 bagi setiap sesi terbongkar selepas mereka ditahan dalam serbuan Operasi Gegar di dua hotel bajet di daerah ini, kelmanarin.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaiimee Daud berkata, pihaknya menahan 14 individu terdiri daripada 12 wanita warga Thailand, seorang wanita Myanmar dan seorang lelaki Britain berusia 21 hingga 69 tahun dalam serbuan pada jam 8.45 malam.

Katanya, ketika serbuan dijalankan, semua wanita warga asing yang terbabit tidak memberikan kerjasama dan enggan membuka pintu bilik.

"Malah, ada juga wanita warga asing yang cuba membuat provokasi dan memberikan pelbagai alasan untuk melepaskan diri.

"Kami turut menemui beberapa kondom dan gel



PELANGGAN perlu memilih wanita dikehendaki dan membuat tempahan terlebih dahulu melalui laman sesawang serta Telegram.

pelincir dipercayai digunakan bagi kegiatan pelacuran dalam operasi itu.

"Selain itu, tiga lelaki tempatan yang juga pelanggan turut dikenakan notis untuk hadir memberi keterangan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Khairul Dzaiimee berkata, hasil risikan mendapati premis itu dikunjungi pelanggan yang terdiri daripada warga tempatan dan warga asing.

"Sindiket pelacuran ini menggunakan paket perkhidmatan seks yang ditawarkan dengan harga RM200 hingga RM270 bagi tempoh masa 45 minit dan RM950 bagi langganan *outrcall* bermula dari jam 10 malam hingga 7 pagi.

"Pelanggan perlu memilih wanita dikehendaki dan membuat tempahan terlebih dahulu melalui laman sesawang serta aplikasi Telegram," katanya.



ANTARA wanita warga asing yang ditahan selepas dipercayai terlibat dengan kegiatan pelacuran dalam serbuan Operasi Gegar di dua hotel bajet di Subang Jaya.